



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
17 MEI 2019 (JUMAAT)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	JANGAN ANIAYA KAMI – PENIAGA
MUKA SURAT	14

Jangan aniaya kami – Peniaga

SABAK BERNAM 16 Mei - Sudahlah hidup mereka ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang dengan berniaga mentarang merupakan satu-satunya punca pendapatan untuk menyara keluarga tetapi kini semuanya musnah.

Lebih menyedihkan, Ramadan tahun ini adalah kali pertama para peniaga mentarang bergelar penganggur kerana gerai mereka di sepanjang jalan Klang - Teluk Intan dirobohkan pihak berkuasa sejak beberapa bulan lalu.

Sedar mereka berniaga di kawasan yang tidak dibenarkan tetapi para peniaga juga memohon ihsan pihak berkuasa kerana mentarang di sepanjang jalan berkenaan sudah menjadi identiti buat Sabak Bernam.

“Hanya mentarang sahajalah punca pendapatan saya sejak 30 tahun lalu, namun sejak gerai dirobohkan saya tidak dapat berniaga lagi,” luah peniaga mentarang di Tali Air 7 Sungai Leman, **Umi Kalsom Mohd. Sanip**.

Umi Kalsom, 54, mendakwa,



NOORASIKIN EBAS masih meneruskan perniagaan mentarang walaupun gerainya dirobohkan sebelum ini di Jalan Klang-Teluk Intan, Sabak Bernam, Selangor. - **UTUSAN/HUSSAIRY SIDEK**

pihak berkenaan merobohkan gerainya itu tanpa pengetahuannya.

“Siapa tidak terkejut bila datang pada sebelah pagi untuk berniaga tengok gerai dah kena roboh, meja dipecahkan, kanopi dipatahkan dan alat penimbang saya juga hilang,” katanya.

Katanya, sejak itu dia tidak dapat berniaga mentarang lagi kerana tiada modal, sedangkan

sebelum gerai diroboh, para peniaga mampu menjual RM30 sehari atau mencecah RM80 pada hujung minggu.

Sementara itu, seorang lagi peniaga mentarang, **Noorasikin Ebas**, 48, berkata, dia tetap kembali menjual mentarang walaupun gerainya turut dirobohkan sebelum ini kerana mereka tiada pilihan lain untuk kelangsungan hidup.



AKHBAR	KOSMO!
TAJUK BERITA	PAM ROSAK, SHAH ALAM ALAMI GANGGUAN BEKALAN AIR
MUKA SURAT	14

Pam rosak, Shah Alam alami gangguan bekalan air

KUALA LUMPUR - Beberapa kawasan di Shah Alam, Selangor mula mengalami gangguan bekalan air petang semalam berikutan kerosakan peralatan satu daripada pam utama di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa Tiga (SSP3).
Ketua Jabatan Perhubungan

Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, kejadian tersebut menyebabkan penurunan paras kolam dan pengurangan agihan air terawat sebanyak 40 Juta Liter Harian (JLH) dan akan menyebabkan gangguan bekalan

air secara berperingkat.

“Antara kawasan yang terjejas ialah Bukit Kuda, Jalan Batu 3 Lama. Seksyen 2, Seksyen 3, Seksyen 4, Seksyen 5, Seksyen 6, Seksyen 7, Seksyen 8, Seksyen 9, Seksyen 10, Seksyen 11, Seksyen 12, Seksyen 13, Seksyen 14, Sek-

syen 15; Seksyen 16, Seksyen 17, Seksyen 18, Seksyen 19, Seksyen 20, Seksyen 21, Seksyen 22, Seksyen 23, Seksyen 24, Seksyen 25 dan Seksyen 26,” katanya ketika dihubungi *Bernama* semalam.

Beliau berkata, Syabas sedang berusaha untuk mengatasi

masalah itu dan telah mengambil tindakan penyaluran bekalan alternatif bagi mengelakkan impak gangguan kepada pelanggan.

Orang ramai boleh merujuk aplikasi Air Selangor dan laman sesawang www.syabas.com.my untuk maklumat lanjut.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PBT AMBIL ALIH KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK
MUKA SURAT	19

PBT ambil alih kutipan caj beg plastik

GOMBAK - Kerajaan negeri bercadang kutipan caj 20 sen penggunaan beg plastik diserahkan kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor untuk digunakan dalam program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, kerajaan negeri sedang melihat mekanisme pelaksanaan dalam usaha memperkemaskan langkah mengurangkan penggunaan bahan tersebut.

“Kita sedang kaji pelaksanaannya dengan menggunakan kaedah yang mudah dan berkesan dijangka bermula tahun ini atau tahun hadapan. Hasil caj akan dikutip oleh kerajaan negeri dan bukannya pasar



Loy Sian menunjukkan skill memasak murtabak pada program Bazar Ramadan Mampan dan Kempen Amalan Hijau dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang di Taman Greenwood semalam.

raya lagi.

“Dulu kita benarkan pasar raya kutip dengan harapan mereka akan buat program-program CSR dan alam sekitar. Tapi kita dapati tidak semua pasaraya melaksanakannya. Disebabkan itu kita ambil alih kutipan tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan

program Bazar Ramadan Mampan dan Kempen Amalan Hijau dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang (MPS) di Taman Greenwood semalam.

Beliau berkata, kutipan caj 20 sen tersebut akan diserahkan kepada PBT untuk dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Negeri.

m/s 19

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	UNISEL, MBI SELANGOR RAI MEDIA
MUKA SURAT	20

Unisel, MBI Selangor rai media

SHAH ALAM - Universiti Selangor (Unisel) meraikan 200 pengamal media dan agensi kerajaan sempena Majlis Berbuka Puasa Bersama Media di Plenary Hall SACC Shah Alam kelmarin.

Naib Canselor Unisel, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman dalam ucapannya berkata, majlis tersebut sebagai penghargaan kepada pengamal media dan agensi berkaitan yang sentiasa menyokong universiti itu.

"Inisiatif ini bagi meraikan mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam mempromosikan Unisel selama ini.

"Media memainkan peranan penting dalam menjadi medium penyebaran maklumat berkenaan universiti.

"Oleh yang demikian, majlis berbuka puasa ini menjadi satu ruang untuk menyantuni rakan media serta agensi kerajaan negeri yang banyak membantu," katanya.

Majlis dianjurkan dengan kerjasama Pejabat Komunikasi Korporat Unisel dengan Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) itu dimeriahkan dengan kehadiran Setiausaha Politik Perdana Menteri, Abu Bakar Yahya dan ADUN Kota Anggerik, Mohd Najwan Halimi.


Sila layari
sinarharian.com.my



Sebahagian media dan agensi kerajaan yang hadir sempena Majlis Berbuka Puasa Bersama Media di Plenary Hall SACC Shah Alam kelmarin.

m/s 20

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	JANGAN BERNIAGA TEPI JALAN
MUKA SURAT	21



Sebuah treler tidak dapat bergerak kerana keadaan jalan yang sempit.



Keadaan sesak pada waktu puncak 9 hingga 11 malam.

'Jangan berniaga tepi jalan'

Pengguna merungut Jalan Teknologi Kota Damansara sesak disebabkan kemunculan gerai

PETALING JAYA

Peniaga tepi jalan di Jalan Teknologi berhampiran Uptown Kota Damansara dilihat menjadi punca utama kesesakan jalan sejak kebelakangan ini.

Lebih merumitkan apabila orang ramai yang ingin berkunjung ke Uptown Kota Damansara terpaksa menempuh kesesakan trafik disebabkan jalan berkenaan sempit dengan kehadiran peniaga yang turut membuka khemah.

Berdasarkan aduan yang diterima, *Sinar Harian* membuat tinjauan di lokasi berkenaan pada malam minggu lalu.

Beberapa pengunjung yang ditemui rata-ratanya tidak berpuas hati dengan keadaan itu kerana selalunya mereka hanya mengambil masa tidak kurang lima minit untuk mencari parkir, namun tidak disebabkan sesak mereka terpaksa membuang masa dalam tempoh setengah jam!

Pengunjung Muhammad Zaki Cheong Abdullah, 45, berkata kewujudan gerai tepi jalan menyumbang kepada kesesakan trafik di situ.

"Tiap-tiap tahun kami datang

ke sini sebab sini banyak pilihan pakaian jadi malas nak pergi jauh-jauh kerana saya tinggal di Sungai Buloh, tak sangka jalan sesak sangat. Dulu tidak macam ini," katanya.

Menurut Zaki isu kesesakan jalan berkenaan boleh diatasi sekiranya tiada gerai-gerai ditepi jalan.

Seorang lagi pengunjung, Rokiah Ahmed, 38, turut mengakui kesesakan berkenaan berpunca daripada peniaga tepi jalan yang semakin bertambah.

"Sepatutnya pihak berkuasa kena ambil tindakan, jangan diabaikan kerana jika tidak keadaan jadi tidak terkawal. Minggu ini sahaja dua kali saya datang uptown, saya lihat gerai-gerai tepi jalan ini makin bertambah," katanya.

Menurut Rokiah dia pernah menyaksikan kemalangan berlaku di situ membabitkan kereta dan motosikal yang bergesel sesama sendiri kerana jalan terlalu sempit.



Tiap-tiap tahun kami datang ke sini sebab sini banyak pilihan pakaian jadi malas nak pergi jauh-jauh kerana saya tinggal di Sungai Buloh, tak sangka jalan sesak sangat. Dulu tidak macam ini."

- Muhammad Zaki Cheong

M/S 21



Deretan gerai tepi jalan di Jalan Teknologi berhampiran Uptown Kota Damansara.

Kawasan sekitar jadi kotor

KEHADIRAN peniaga tepi jalan turut menyebabkan kawasan sekitar kotor apabila longgokan sampah ditinggalkan begitu sahaja.

Sampah plastik, sisa dan bekas makanan bersepah menjadi daya penarik kepada kehadiran anjing liar.

Tinjauan mendapati sampah sarap berlonggok turut dibuang begitu sahaja di dalam longkang.

"Masalah ini sepatutnya tidak berlaku jika pemantauan dibuat oleh penguatkuasa kerana kami membayar lesen tapi kawasan sekitar restoran kami kotor disebabkan me-

reka," runggut peniaga restoran yang hanya mahu dikenali Tam.

Menurut Tam, aduan mengenai isu berkenaan sudah dibuat kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya namun keadaan masih tidak berubah.

"Mereka ini ada yang kutip bayaran secara tidak sah sebab tu mereka berani berniaga di situ," katanya.

Sinar Harian akan mendapatkan maklum balas dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) berhubung isu berkenaan dalam waktu terdekat.



Sampah sarap yang ditinggalkan peniaga tepi jalan.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	GELAGAT GENG PLASTIK HITAM
MUKA SURAT	22

Gelagat geng plastik hitam

Setiap kali Ramadan, geng plastik hitam antara yang menjadi perhatian pihak berkuasa dengan tindak-tanduk golongan itu yang mencemari kesucian bulan mulia. Mereka selamba masuk ke kedai makan, menjamu selera sama ada waktu sarapan dan makan tengah hari atau membungkus makanan pada waktu puncak antara jam 12 tengah hari dan 2 petang. Penjual pula menggunakan pelbagai taktik bagi membolehkan pelanggan beragama Islam membeli makanan pada waktu siang, sama ada secara tertutup atau terbuka. Ikuti laporan tinjauan *Sinar Harian* di beberapa lokasi sekitar Lembah Klang bagi melihat aktiviti kaki ponteng puasa.

Guna pelbagai taktik beli, jual makanan pada siang hari

SHAH ALAM

PARKIR motosikal depan kedai makan dan masuk dengan memakai topi keledar kemudian keluar dengan plastik dipercayai berisi makanan. Itu antara modus operandi kaki ponteng puasa ketika membeli makanan di sebuah kedai makan di U12, di sini yang sempat dirakamkan lensa *Sinar Harian*.

Tinjauan mendapati kedai makan terbabit menjadi tumpuan ramai sekitar jam 12 tengah hari hingga 2 petang.

Makanan dijual secara terbuka, seolah-olah bukan bulan Ramadan.

Lebih menyedihkan, kaki ponteng puasa 'tapau' makanan dengan muka selamba.

Tinjauan di sebuah lagi kedai makan di lokasi sama pula mendapati hanya satu pintu dibuka, kononnya operasi ditutup.

Sama seperti kedai pertama, lauk-pauk dihidangkan kepada pelanggan seawal jam 1 petang.

Seorang penduduk yang hanya ingin dikenali sebagai Ahmad berkata, situasi itu dapat dilihat sejak awal Ramadan lagi.

Katanya, kedai makan yang menjadi tumpuan geng plastik hitam ini beroperasi seperti bulan-bulan lain.

"Memang langsung tak ada rasa bersalah. Sama saja yang berniaga dan juga yang membeli, tak sensitif langsung dengan bulan Ramadan.

"Sebulan saja puasa bukannya lama, itu pun nak ponteng. Su-



Pekerja restoran menunggu pelanggan di hadapan sebuah premis di Bukit Beruntung.

dahlah ponteng beli pula di kedai makan. Peniaga kedai makan pun satu, berniaga macam biasa.

Langsung tak hormat bulan Ramadan ini," katanya.

Menurutnya, pihak berkuasa

diminta mengambil tindakan tegas dalam menangani isu ini.

"Saya berharap pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tolong tengok hal ini, sebab ia amat memalukan umat Islam. Tambahan pula kawasan di sini majoritinya Islam.

"Perkara macam ini seharusnya tidak patut dibiarkan. Lama-kelamaan ia akan menjadi barah besar dalam masyarakat dan menunjukkan contoh yang tak baik khususnya kepada golongan remaja dan kanak-kanak.

"Kedai makan tu pula sebelah pasar raya. Orang bawa anak pergi pasar raya nampak pula kaki tak puasa ini membeli makanan," katanya.



Kaki ponteng puasa dikesan membeli makanan di sebuah kedai makan di U12 pada kira-kira jam 1 petang.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TIGA KALI RESTORAN KENA SERBU
MUKA SURAT	22

Tiga kali restoran kena serbu

KETUA Penguatkuasa Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor, Khairul Azri Sulaiman berkata, restoran terbabit telah diserbu sebanyak tiga kali sejak awal Ramadan.

Menurutnya, enam pelanggan beragama Islam ditahan dan diberikan notis beredar selain amaran kepada pengusaha restoran.

“Namun enakmen di bawah penguatkuasa ini hanya memperuntukkan tangkapan kepada individu yang makan ketika itu (tidak berpuasa).

“Jika mereka membeli dengan membungkus makanan, kita berdepan kekangan untuk menangkap kerana mereka tidak makan sewaktu serbuan.

“Tahun terdahulu memang ada tangkapan di restoran itu apabila pelanggan Islam makan di dalam kedai tapi sejak dua tahun lepas, pengu-

saha guna sistem ‘drive thru,’” katanya.

Khairul Azri berkata, ada antara pelanggan yang melakukan tempahan awal melalui panggilan telefon sebelum ke restoran mamak itu.

Menurutnya, kuantiti makanan yang dijual pula lebih banyak berbanding kebiasaan.

“Sepanjang tempoh seminggu Ramadan ini, seramai enam penguatkuasa menjalankan operasi membabitkan lebih 20 premis makanan sekitar Bukit Sentosa, Bukit Beruntung, Ulu Yam dan Kuala Kubu Bharu.

“Pemantauan dan rondaan dijalankan setiap hari termasuk memeriksa kedai makan atau restoran bukan Islam bagi memastikan tiada pelanggan Islam yang tidak berpuasa makan di premis berkenaan,” katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	JUAL MAKANAN SECARA PANDU LALU
MUKA SURAT	22

Jual makanan secara pandu lalu

BUKIT BERUNTUNG - Meskipun setiap tahun diberikan teguran dan amaran oleh penguatkuasa jabatan agama Islam namun sebuah restoran mamak di sini tetap menjual makanan kepada individu tidak berpuasa.

Jika sebelum ini pengusaha restoran terbabit akan membenarkan pelanggan bukan Islam makan di dalam premis berkenaan tetapi sejak dua tahun lalu, aktiviti tersebut dilakukan secara pandu lalu.

Tanpa berselindung, pekerja restoran akan menunggu pelanggan di hadapan restoran yang dibuka seawal jam 8 pagi.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati pelanggan yang menaiki motosikal, kereta dan van akan memberhentikan kenderaan masing-masing sebelum dihampiri pekerja restoran.

Pelanggan tidak turun dari kenderaan sebaliknya menyerahkan duit kepada pekerja terbabit sebelum beredar.

Beberapa minit kemudian, pelanggan terbabit akan kembali untuk mengambil makanan ditempah yang dibungkus dalam plastik.



Pelanggan menyerahkan duit kepada pekerja restoran di Bukit Beruntung.

Bilangan pelanggan akan meningkat antara jam 11.30 pagi sehingga jam 2.30 petang dan terdapat di antara mereka yang dilihat memakai t-shirt atau uniform syarikat.

Situasi tersebut berlaku di luar hadapan restoran manakala di dalam premis hanya terdapat pelanggan bukan Islam yang menikmati hidangan tengah hari.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MASUK IKUT PINTU BELAKANG
MUKA SURAT	23

Masuk ikut pintu belakang

Restoran, kedai makan terus jadi tumpuan golongan tidak berpuasa

SABAK BERNAM

Kaki ponteng puasa di sini yang memandu kereta akan memberhentikan kenderaan mereka di laluan belakang kedai. Mereka akan memerhatikan keadaan sekeliling sebelum masuk ke premis terbabit.

Selain itu, kelihatan beberapa umat Islam tidak berpuasa memasuki pintu belakang premis untuk memesan makanan yang diingini sebelum keluar membawa bungkusan plastik.

Malah, ada juga yang makan di kedai terbabit dan hanya keluar 15 minit kemudian tanpa membawa bungkusan plastik.

Tinjauan juga mendapat ada sebuah kedai makan bukan Islam di daerah ini turut menyediakan perkhidmatan pandu lalu kepada kaki ponteng puasa.

Kaki ponteng puasa tidak perlu masuk ke dalam kedai makan, sebaliknya mereka yang menunggang motosikal hanya perlu memesan makanan di tepi kedai berkenaan.

Tinjauan jam pada 11 pagi Sabtu lalu mendapati, terdapat sekurang-kurangnya empat penunggang motosikal memberhentikan kenderaan mereka dan memesan makanan di tepi kedai terbabit.

Seorang pekerja kedai makan kelihatan sibuk di kaki lima tepi kedai bertindak mengambil pesanan pelanggan.

Tidak sampai 10 minit, seorang lagi pekerja kedai makan yang berada dalam kedai makan itu keluar dengan membawa bungkusan makanan menghampiri pelanggan terbabit.

Pada riak wajah kaki ponteng puasa, mereka yang memakai topi keledar seakan-akan tergesa-gesa dan terus beredar sejurus mengambil makanan dibeli.

Cemar kesucian Ramadan

SEORANG penduduk, Md Firdaus Yusof, 29, berkata, tindakan kaki ponteng puasa itu jelas mencemar kesucian Ramadan.



Seorang pelanggan menggunakan laluan pintu belakang sebuah kedai makan di Sabak Bernam.

Katanya, perbuatan membeli makanan di tempat terbuka terutama di kedai bukan Islam seperti itu tidak sepatutnya berlaku apatah lagi status halal makanan yang dibeli itu meragukan. "Perkara ini perlu dibendung

tentu, mereka perlulah menghormati Ramadan.

"Selalu juga saya terserempak dengan mereka yang tak puasa ini memandu kereta sambil hisap rokok dan mengunyah makanan," katanya.

Nordin Dol

Bashar, 76, pula berkata, pihak berkuasa agama Islam diminta memantau dan meningkatkan lagi rondaan penguatkuasaan selepas pendedahan mengenai dibuat.

Katanya, tindakan tegas perlu diambil bagi memberi pengajaran kepada mereka yang tidak berpuasa supaya menghormati Ramadan.

"Sebagai umat Islam, janganlah kita cemar Ramadan dengan perbuatan memalukan seperti ini

memandangkan berpuasa di bulan Ramadan adalah wajib dan salah satu daripada lima rukun Islam.

"Lebih pelik lagi apabila kaki ponteng sanggup

- info**
- Menjadi satu kesalahan apabila individu beragama Islam didapati menjual makanan kepada mana-mana umat Islam
 - Individu itu boleh didakwa mengikut Seksyen 19 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 kerana tidak menghormati Ramadan
 - Jika sabit kesalahan, ia memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM1,000 atau penjara tidak lebih enam bulan, atau kedua-duanya sekali

M/S 23

membeli makanan di kedai bukan Islam yang kita sendiri tidak tahu tentang soal halal dan haram," katanya.



NORDIN

MD FIRDAUS

daripada terus berleluasa dan perbuatan yang dilakukan individu seperti ini memburukkan imej Islam," katanya.

Menurut Md Firdaus, sekiranya seseorang individu tidak berpuasa sekali pun atas sebab ter-



Kelihatan pekerja kedai makan menghulurkan bungkusan makanan kepada kaki ponteng puasa yang membeli makanan melalui pesanan pandu lalu.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	JAIS KOMITED PANTAU, JALANKAN PENGUATKUASAAN
MUKA SURAT	23

JAIS komited pantau, jalankan penguatkuasaan

JABATAN Agama Islam Selangor (JAIS) dalam kenyataannya 24 April lalu menegaskan umat Islam di negeri ini diingatkan supaya sentiasa menjaga kesucian bulan Ramadan.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim berkata, pihaknya melalui Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan dan Bahagian Pengurusan Halal sentiasa komited dalam me-

mastikan pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan sepanjang Ramadan ini.

“Pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan terhadap premis makanan yang menjual makanan kepada umat Islam secara terbuka atau di tempat awam pada waktu siang termasuk menjualnya kepada mereka yang tidak berpuasa.

“Menjadi kesalahan apabila individu beragama Islam dida-

pati telah menjual kepada mana-mana orang Islam atau membeli makanan, minuman, rokok atau benda-benda lain seumpamanya untuk di makan, diminum atau dihisap pada waktu itu,” katanya.

Haris berkata individu yang didapati menjual dan membeli apa-apa makanan, minuman atau merokok, boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 19 Tidak Menghormati Ramadan, Enak-

men 9 tahun 1995 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor).

“Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

“Bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi setahun atau kedua-duanya,” katanya.

m/s 27

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PEMBANGUNAN PESAT FAKTOR BANJIR
MUKA SURAT	33

Pembangunan pesat faktor banjir

Kaji semula sistem saliran elak banjir berulang

AHMAD ISMADI ISMAIL

SEMENYIH

Kawasan perumahan di Taman Semenyih Indah dinaiki air selepas hujan lebat awal pagi semalam.

Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) Muhammad Hanafi Jalalludin turut meninjau lokasi terbabit pada jam 3 pagi se-

lepas menerima aduan penduduk.

Menurutnya, sebahagian jalan di kawasan itu dinaiki air selepas setengah jam hujan tetapi tidak memasuki rumah penduduk.

"Saya telah memaklumkan perkara tersebut kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, kejadian itu kali ketiga berlaku sejak awal tahun ini dan berharap agensi berkenaan dapat membantu mengatasi masalah berkenaan untuk kesejahteraan penduduk.

info

Kejadian kali ketiga sejak awal tahun ini

Beliau berkata, projek pembangunan yang pesat di sekitar kawasan itu juga mungkin antara faktor berlaku banjir.

"Bagi saya sistem saliran tiada masalah tetapi tidak mampu menampung air jika hujan lebat. Kita perlu melihat semula projek pembangunan dan mengalihkan sistem saliran supaya tidak tertumpu di kawasan perumahan itu apabila hujan lebat," katanya.

ms 33



Keadaan banjir di Taman Semenyih Indah selepas hujan lebat awal pagi semalam.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PEMBUANGAN SAMPAH HARAM BERULANG
MUKA SURAT	33

Pembuangan sampah haram berulang



Wong Siew Ki bersama pegawai dan Ahli Majlis MPKj selepas meninjau lokasi pembuangan sampah haram di Balakong Jaya Selasa lalu.

BALAKONG – Aktiviti pembuangan sampah haram di Balakong Jaya masih berulang walaupun tapak tersebut pernah ditutup dua tahun lalu.

ADUN Balakong, Wong Siew Ki meninjau kawasan itu Selasa lalu dan mendapati ada pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sisa kain membuat pakaian dipercayai dari kilang.

“Kita turut menemui sisa binaan dan kesan kebakaran yang mungkin dilakukan pencuri kabel kerana ada beberapa gulung kabel yang dibakar di sini,” katanya.

Menurutnya, ketika tinjauan itu juga beliau menemui kertas penyata bank dan surat daripada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang dihantar kepada individu dalam timbunan sampah ini.

Siew Ki turut berkongsi gambar berkenaan di laman sosialnya.

Tinjauan turut disertai Ahli Majlis MPKj, Billy Sun bersama wakil Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MPKj.

Siew Ki berkata, pihaknya berjaya mengesan kilang yang dipercayai terlibat dengan aktiviti

pembuangan sampah haram itu.

“MPKj akan mengeluarkan kompaun dan menyita kontraktor yang dilantik oleh kilang berkenaan,” katanya.

Beliau memberitahu, laporan hasil siasatan di tapak pembuangan sampah haram itu akan diserahkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat untuk tindakan lanjut ke atas pemilik tanah.

“Masyarakat perlu membantu membantu menyalurkan maklumat jika ada aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan masing-masing,” katanya.

MS 33

45 2/11

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PERTEMUAN JALIN KERJASAMA POLIS, MPKJ
MUKA SURAT	33

Pertemuan jalin kerjasama polis, MPKj

KAJANG – Ketua Polis Daerah Kajang, Assisten Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff bersama pegawai dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang melakukan kunjungan hormat ke Menara Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) baru-baru ini.

Kehadiran Ahmad Dzaffir itu disambut Yang Dipertua MPKj, Datuk Rosli Othman bersama pengarah dan kakitangan MPKj

MPKj melalui kenyataan di laman sosialnya berkata, kunjungan berkenaan bertujuan menjalinkan hubungan baik di antara Polis Di-

Kunjungan pegawai polis itu bertujuan menjalinkan hubungan baik di antara PDRM dengan MPKj di samping mengenali YDP MPKj yang baharu.”

- Kenyataan laman sosial MPKj

raja Malaysia (PDRM) dengan MPKj di samping mengenali YDP MPKj yang baharu.

Pertemuan berlangsung selama satu setengah jam itu turut membincangkan isu berkaitan pelaksanaan penguatkuasaan dan tindakan sesuai ketika operasi membanteras aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Turut serta dalam kun-

jungan itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang, Superintendan Mohamad Sabri Abdullah.

Pertemuan itu juga dapat mengukuhkan kerjasama strategik di antara dua agensi dalam usaha memperkasakan agenda perkongsian maklumat dan penguatkuasaan bersama di antara MPKj dan PDRM.

m/s 33



Ahmad Dzaffir (lima dari kanan) bersama pegawai polis dari IPD Kajang yang berkunjung ke Menara MPKj baru-baru ini.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	KUALA SELANGOR PESAT MEMBANGUN
MUKA SURAT	34

Kuala Selangor pesat membangun

Pejabat Tanah dan Daerah catat kutipan premium lebih sasaran

ARKIZANA MOHMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR

Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor berjaya mencapai 98.4 peratus kutipan premium tanah yang disasarkan kerajaan negeri.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Mohd Faizal Abdul Raji berkata, daerah ini berjaya mengutip premium tanah sebanyak RM68.9 juta berbanding sasaran RM70 juta pada tahun lalu.

Lebih membanggakan menurutnya, kutipan bagi permit bahan batuan juga melepasi sasaran iaitu sebanyak 257.4 peratus dengan jumlah sebanyak RM38.6 juta.

"Tidak ketinggalan juga pelaksanaan projek fizikal seperti baik pulih jalan, infrastruktur sukan dan pelbagai lagi dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9 juta.

"Pencapaian ini sekaligus membantu meningkatkan pembangunan daerah ini dan menjadi tumpuan," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Majlis Ihya



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (tengah) berkenan menyempurnakan agihan sumbangan 468 asnaf fakir miskin dan muafal di Masjid An Naim Kampung Sungai Sembilang.

Ramadan DYMM Sultan Selangor dan Sumbangan Aidilfitri Daerah Kuala Selangor.

Dalam majlis itu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al Haj berkenan menyempurnakan agihan sumbangan melibatkan 468 asnaf fakir miskin dan muafal di Masjid An Naim Kampung Sungai Sembilang, kelmarin.

Mohd Faizal berkata, pembangunan daerah ini semakin rancak di Puncak Alam dan Saujana Utama yang merangkumi keluasan 5,600 hektar dalam pembangunan perumahan dan komersial.

"Selain itu, Seri Coalfield turut pesat membangun dengan keluasan 400



Warga emas, Saniah Mohd Karipun, 72, (kiri) gembira menjadi sebahagian 468 penerima sumbangan hari raya di Masjid An Naim.

hektar yang mana ketiga kawasan ini dengan bersempadanan daerah Petaling dan Gombak.

"Saya percaya, Lebuh raya Pesisiran Pantai Barat

yang dijangka siap pada 2021 nanti dengan jajarannya melalui Kuala Selangor dan Tanjong Karang akan merancakkan ekonomi setempat," katanya.

ms 34



Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari (kiri) bersalaman dengan jawatankuasa masjid.



Orang Besar Daerah Kuala Selangor, Datuk Mohamad Yaacob Ismail (kanan) beramah mesra bersama penghulu mukim.



Penduduk Batu 16 Tambak Jawa, Mohd Herdi Mokhtar, 30, (kanan) julung kali dipilih untuk menerima sumbangan tahun ini.



Menteri Besar Selangor Amirudin Shari (tengah) merakam kenangan bersama sebahagian Jawatankuasa Masjid An Naim Kampung Sungai Sembilang.



Ketua Operasi Agihan Mohammad Amir Mohammad Azam (dua dari kanan) memberi taklimat ringkas kepada petugas.

AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	TAPS DRY IN PARTS OF SHAH ALAM
MUKA SURAT	4

4 News

STARMETRO, FRIDAY 17 MAY 2019



Ongoing repair works at the SSP3 Water Treatment Plant yesterday.

Areas affected by water disruption in Shah Alam

- Bukit Kuda & Jalan Batu 3 Lama
- Intekma Section 7
- All areas in Section 7
- All areas in Section 9
- Section 2
- Section 3
- Section 4
- Section 5
- Section 6
- Section 8
- Section 10
- Section 11
- Section 12
- Section 13
- Section 14
- Section 15
- Section 16 & Padang Jawa
- Section 17
- Section 18
- Section 19
- Section 20
- Section 23
- Section 24
- Section 25
- Taman Putramas
- UITM Shah Alam Main Campus

Source: www.syabas.com.my

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

FOLLOWING the malfunction of one of the main pumps at the Sungai Selangor Phase 3 (SSP3) Water Treatment Plant in Shah Alam, residents were advised to store sufficient water in anticipation of a disruption which began at 2pm yesterday.

"We have started arrangements to mobilise tankers and local operational centres. Syabas will be keeping the public informed of latest updates," said Syabas customer relations and communications head Abdul Raof Ahmad.

He said the water disruption was caused by malfunction in one of the main pumps at SSP3 in Bukit

Taps dry in parts of Shah Alam

Pump malfunction at treatment plant affects water supply to 26 areas

Badong and as a result, 26 areas in Shah Alam will face water cuts.

Taman Sri Muda resident T. Mogan said he was unhappy with the latest announcement.

"Last week, there was unscheduled water disruption in Klang. Now it's our turn," said Mogan, adding that the short notice of the water cut meant that he had to rush home from work to store water.

Monfort Boys Town deputy

director Arulanandan Sinnasamy said the news about the water supply disruption was disturbing.

"We have 370 students boarding with us. We need water for cooking, washing and bathing. If supply is disrupted at such short notice, it is going to put us in a very difficult situation," said Arulanandan.

Syabas announced that work was being expedited and repair works was at 50% as at 3.30pm

yesterday. Repair works are targeted to be completed by 9pm yesterday.

Targeted restoration of supply will be carried out in stages today. "We cannot go on like this," said National Water Services Commission (SPAN) chairman Charles Santiago when contacted for comment on the water cut in Shah Alam.

In pointing out maintenance as

the main issue, Santiago said a sub-committee which had been set up by SPAN to investigate the Klang pipe burst would also look into the maintenance needs of SSP3.

He added that the disruption in Shah Alam was not related to Klang as the pipe burst in the latter case was caused by construction works while the former was due to technical malfunction.

AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	TAPS TO RUN DRY IN 26 AREAS IN SHAH ALAM
MUKA SURAT	6

Taps to run dry in 26 areas in Shah Alam

BY SYED DANIAL SYED DANIAL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Taps will be running dry in Selangor, in parts of Shah Alam. A total

of 26 areas there will experience water supply disruption for a day.

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) yesterday said the disruption was due to works on one of the main pumps at

the Sungai Selangor Phase 3 water treatment plant.

Repair works at the water treatment plant was 50% completed as of 3pm yesterday.

"We are targeting restoration of supply in stages starting early today.

"The repair work do not involve any water treatment plant shutdown but just a reduction of treated water production for distribution.


"It will cause temporary water supply disruption in several areas," Syabas said in a statement yesterday.

Syabas will set up two local service centres today to update residents on the restoration. It will also deploy water tankers to affected areas.

"Public water pipes will also be opened at Persiaran Astana, Mutiara Bukit Raja 2, Bandar Baru Bukit Raja to help customers," it said.

Residents of Bukit Kuda, Jalan Batu 3 Lama, Section 7, Section 9, Section 2, Section 3, Section 4, Section 5, Section 6, Section 8, Section 10, Section 11, Section 12, Section 13, Taman Putramas and UiTM Shah Alam main campus can seek assistance at Kompleks Sukan SUK, Persiaran Raja Muda, Section 5, Shah Alam.

Those in Section 14, 15, Section 16, Padang Jawa, Section 17, Section 18, Section 19, Section 20, Section 23, Section 24 and Section 25 can seek assistance at Kolam Air Section 16, Jln Cengkik 16/10, Shah Alam.



FAITHFUL ACT ... Devotees cleaning a statue of Buddha at the Chaiya Mangalaram Buddhist temple at Burma Lane, Penang yesterday in preparation for Wesak Day. — **BERNAMAPIX**